

PANDUAN PERMOHONAN ANUGERAH KHAS KHIDMAT BAKTI MUTIARA SEMPENA PANDEMIK COVID-19

Pendahuluan

Pengakap adalah satu pergerakan belia bertaraf antarabangsa untuk melatih golongan belia dan muda-mudi agar menjadi orang yang berguna dan dapat berkhidmat untuk masyarakat dan negara. Latihannya adalah berdasarkan kepada Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap serta prinsip-prinsip asas yang telah di perturunkan oleh pengasasnya Lord Baden Powell of Gilwell.

Pemimpin Pengakap merupakan tunjang kepada pergerakan pengakap yang bertungkus lumus tanpa mengira letih dan lesu dalam memimpin, membimbing dan membantu ahli-ahli pengakap dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Pemimpin seperti cikgu yang membakar diri untuk menerangi orang lain bagi memdidik dan memimpin semua ahli pengakap dibawahnya menuju arah kejayaan dan menjadi orang yang berguna.

Corona virus Covid-19 telah tercetus dengan merebak dengan pantas ke seluruh dunia dan telah menyebabkan kematian melebihi 500 000 orang diseluruh dunia. Semua aktiviti luar tidak dibenarkan dan ini telah menjejaskan semua aktiviti kepengakapan diseluruh dunia.

Dalam mengharungi pandemik yang melanda di seluruh dunia ini. Aktiviti kepengakapan masih diteruskan dengan norma yang baru. Para pemimpin masih berpegang dengan amanah yang diberikan dan menjalankan amanah tersebut dengan berat dan beban. Para pemimpin mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah kawalan Pergerakan Bersyarat seperti Pertandingan Kuiz Pengakap atas talian, kelas kepengakap atas talian, Ujian kepengakapan atas talian, perjumpaan kumpulan atas talian dan lain-lain lagi.

Pandemik ini tidak memutuskan semangat para pemimpin untuk terus berkhidmat untuk pengakap malah membarakan lagi semangat para pemimpin terhadap kepengakapan. Sepanjang tempoh ini, para pemimpin perlu mengharungi pelbagai cabaraan dan dugaan yang baru bagi memastikan aktiviti yang diadakan bersesuaian dengan keadaan semasa disamping mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Seterus itu, Para pemimpin mempunyai jasa yang tinggi dalam pengorbanan diri mereka dalam memastikan aktiviti kepengakapan terus bergerak tanpa kira dalam apa jua keadaan yang berlaku bagi memastikan ahli-ahli pengakap terus bergerak aktif walaupun melalui medium maya dan atas talian.

Dengan ini, Anugerah Khas Khidmat Bakti Mutiara dirangkakan untuk dianugerahkan kepada para pemimpin yang terus berkhidmat dan menakburkan bakti sepanjang tempoh Pandemik bagi mengyanjung dan menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para pemimpin.

PENGANUGERAHAN



Penganugerahan: Sijil & Ribben

Penerima anugerah akan menerima Sijil dan Ribben dalam penganugerahan ini.

Kategori Pengaugerahan dan Kriteria

KATEGORI A : PETUGAS BARISAN HADAPAN

Telah berkhidmat secara sukarela sebagai petugas barisan hadapan yang diiktiraf semasa PKP seperti Polis, Tentera, Rela, Pertahanan Awam, Doktor dan Jururawat.

KATEGORI B : PEMIMPIN PENGAKAP

Bahagian A : Pilih SATU

A (i) Mengelola 2 program atau aktiviti dalam talian dengan penglibatan tidak kurang daripada 30 orang ahli pengakap bagi setiap sesi. (Boleh disertai ahli-ahli kumpulan lain) atau

A (ii) Membantu pemimpin lain mengelola 4 program atau aktiviti dalam talian dengan penglibatan tidak kurang daripada 30 orang ahli pengakap bagi setiap sesi.

Bahagian B : Pilih SATU

B (i) Menganjurkan sekurang-kurangnya 2 kali perjumpaan untuk tidak kurang daripada 5 orang ahli untuk membantu mereka mencapai kelulusan dalam 1 Lencana Kemajuan. atau

B (ii) Menganjurkan sekurang-kurangnya 3 kali perjumpaan untuk tidak kurang daripada 5 orang ahli untuk membantu mereka mencapai kelulusan dalam 2 Lencana Kepandaian. atau

B (iii) Membantu pemimpin lain dalam sekurang-kurangnya 4 kali perjumpaan untuk membantu ahli mencapai kelulusan dalam Lencana Kemajuan atau Kepandaian seperti di B1 atau B2

atau

B (iv) Menjalankan tugas dalam membantu sekurang-kurangnya 1 ahli untuk mencapai Rambu PKK / PM / PR.

KATEGORI C : PESURUHJAYA PENGAKAP

- Menganjurkan sekurang-kurangnya 1 aktiviti atau program sebagai pengelola bagi portfolio masing-masing.
- Membantu sekurang-kurangnya 2 aktiviti atau program di peringkat daerah atau negeri.

Permohonan Pencalonan Penganugerahan

1. Permohonan hanya terbuka kepada Pesuruhjaya / Penolong Pesuruhjaya / Pemimpin / Penolong Pemimpin dari Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang yang berdaftar.
2. Permohonan hanya diterima melalui pengemukaan atas-talian secara elektronik digital dengan menggunakan borang atas-talian yang disediakan. PPMNPP tidak akan mengagihkan sebaran borang fizikal.
3. Pemohon perlu menyediakan laporan, dan gambar aktiviti mengikut templat yang disediakan.
 - a. Kategori A – Hanya Satu Laporan Bertugas dan Foto sahaja.
 - b. Kategori B dan Kategori C – anda perlu sediakan dua (2) laporan dan foto mengikut setiap bahagian dan kriteria. Sila simpan (save) kedua-dua dokumen dengan nama yang berbeza.
4. Laporan yang telah siap berserta gambar foto perlu dimuat-naik secara elektronik .
5. Borang Permohonan janaan automatik (PDF) akan diemelkan kepada pemohon.
6. Pemohon perlu cetak borang tersebut, dan mendapatkan sokongan tandatangan daripada Pengerusi MPN, Timbalan / Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri / Pengerusi MPD / Pesuruhjaya Daerah / Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri.
7. Borang yang telah disokong, perlu hantar ke Wisma Pengakap Negeri Pulau Pinang sebelum tarikh penutupan.

LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (PANDUAN PENGISIAN BORANG)

1. Pemohon perlu melayari <http://daftar.penangscout.org/akkbm-pkp>. Cadangan menggunakan Web Browser di atas Komputer supaya memudahkan pengisian.
2. Selepas log masuk ke laman seperti di atas, pemohonan akan memasuki halaman pendahuluan, sila baca dan fahami kandungannya.
3. Anda boleh muat-turun templat daripada halaman pertama, seperti butiran di bawah.



4. Anda perlu menggunakan templat tersebut, dan sediakan laporan anda dalamnya.
 - i. Kategori A – Hanya Satu Laporan Bertugas dan Foto sahaja.
 - ii. Kategori B dan Kategori C – anda perlu sediakan dua (2) laporan mengikut setiap bahagian dan kriteria. Sila simpan (save) kedua-dua dokumen dengan nama yang berbeza.

5. Sila tekan butang “Butir-Butir Diri” untuk mengisi butiran peribadi.

Page 2 of 5

Permohonan Anugerah Khas Khidmat Bakti Mutiara (PKP)

SETIAP INDIVIDU HANYA BOLEH MEMOHON MANA-MANA SATU KATEGORI SAHAJA.

Sila rujuk halaman sebelum untuk penerangan kriteria bagi setiap kategori.

Kategori Pencalonan (*) KATEGORI A : PETUGAS BARISAN 5

A. BUTIR-BUTIR DIRI

Gelaran (*) Datuk
Dato'
Datin
Prof.
Ist.
Dr.
T.S.
Encik
Puan
Cik

Boleh pilih pelbagai

Nama Penuh (HURUF BESAR) (*)

Foto Bersaiz Passport (Peruniform Pengakap) (*) Browse... No file selected. 7

No Kad Pengenalan (*)

Jantina (*) Lelaki Perempuan

No Kad Keahlian (*)

Must Naik Salinan Kad Keahlian (*) Browse... No file selected. 8

No. Telefon (*)

Alamat Surat Menyurat (*)

Email (*)

< Kriteria / Pendahuluan Rekod Perkhidmatan > 9

6. Pilih Kategori, seorang hanya boleh memohon untuk mana-mana satu kategori sahaja. Isikan kesemua maklumat yang diperlukan untuk permohonan.
7. Anda perlu muat-naik Gambar Passport bersaiz passport anda. File size tidak boleh melebihi 2MB. Jila besar daripada 2MB, anda perlu mengecilkan saiz dan cuba semula.
8. Anda perlu muat-naik foto / salinan Kad Keahlian tahun 2020 anda. File size tidak boleh melebihi 2MB. Jila besar daripada 2MB, anda perlu mengecilkan saiz dan cuba semula.

9. Sila tekan butang "Rekod Pekerjaan" untuk mengisi rekod perkerjaan.

Page 3 of 5

Permohonan Anugerah Khas Khidmat Bakti Mutiara (PKP)

B. REKOD PEKERJAAN

Status Pekerjaan (*)

Majikan (*)

Nama Majikan (*)

Jawatan (*)

Alamat Majikan (*)

Tempoh Berkhidmat (Tahun) (*)

10

10. Sila tekan butang "Rekod Perkhidmatan" untuk mengisi rekod perkhidmatan dalam pengakap. Nota: Makluman yang diperlukan untuk bahagian perkhidmatan akan berbeza mengikut kategori masing-masing.

Permohonan Anugerah Khas Khidmat Bakti Mutiara (PKP)

C. REKOD PERKHIDMATAN

Kategori Jawatan Dalam Pengakap (*)

Daerah (*)

Rekod jawatan disandang dalam Persekutuan Pengakap Malaysia (Termasuk Jawatan Sekarang)

Sekolah (*)

No Kumpulan (*)

Jawatan Sekarang (Kepengakapan) (*)

Contoh: Pemimpin Kumpulan Ke-101 BM

11

11. Sila tekan butang "Kriteria Permohonan" untuk senarai semakan criteria masing-masing dan muat-naik laporan, dan foto anda.

D. KRITERIA PERMOHONAN

(WAJIB memenuhi semua syarat - Tempoh dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020)

Sila muat turun template borang laporan dari : <http://daftar.penangscout.org/component/phocadownload/category/1-form?download=5:t-akbkm-ppk>

Lengkapkan maklumat yang diperlukan seperti dalam template borang laporan, dan upload di bahagian bawah.

KATEGORI YANG TELAH ANDA PILIH: KATEGORI A: PETUGAS BARISAN HADAPAN

- Telah berkhidmat secara sukarela sebagai petugas barisan hadapan yang diiktiraf semasa PKP seperti Polis, Tentera, Rela, Pertahanan Awam, Doktor dan Jururawat.

Kriteria Permohonan (Senarai Semakan) (*)

- Telah berkhidmat secara sukarela sebagai petugas barisan hadapan yang diiktiraf semasa PKP seperti Polis, Tentera, Rela, Pertahanan Awam, Doktor dan Jururawat.
- Laporan ringkas bertugas (Sekurang-kurangnya 300 patah perkataan) [*Laporan muat-naik di Lampiran 1.]
- Gambar semasa bertugas (Sekurang-kurangnya 4 gambar) [*Gambar muat-naik di Lampiran 2.]

Muat Naik Laporan 1 (Lampiran 1) (*) No file selected. **12**

Muat Naik Photo Aktiviti 1 (Lampiran 2) (*) No file selected. **13**

Screenshot Video Conference (Zoom dll) diterima. Maximum 4 File sahaja, dan maximum size tidak melebihi 4MB

Sekiranya gambar foto yang dibekalkan tidak mencukupi, pihak penilai akan emel untuk mendapatkan foto / dokumen sokongan tambahan. Gagal membekalkan boleh membatalkan kelayakan.

Perakuan (*)

- Saya mengesahkan bahawa butiran yang diberikan seperti di atas adalah tepat dan benar.
- Saya mengesahkan bahawa akan menyemak email untuk mendapatkan borang PDF janaan komputer, cetak, tandatangan, besertakan laporan & foto, dan mendapatkan sokongan, serta menghantar kepada Wisma Pengakap Negeri Pulau Pinang dalam masa seminggu.
- Saya faham bahawa dokumen yang perlu dimuat-naik adalah banyak, dan hanya mengambil masa 1 minit hingga 5 minit. Saya akan menunggu dengan sabar sehingga laman ini bertukar automatik dan tidak membuat penghantaran bertindih (duplicated).
- Saya telah baca, memahami dan bersetuju dengan syarat DATA PERIBADI seperti di halaman pertama.

15

12. Sila muat naik Laporan anda (dalam bentuk Microsoft Word atau PDF)


13. Sila muat naik gambar foto / screenshot aktiviti anda.

- Kategori A – Hanya Satu Laporan Bertugas dan Foto sahaja.
- Kategori B dan Kategori C – anda perlu sediakan dua (2) laporan mengikut setiap bahagian dan kriteria. Sila simpan (save) kedua-dua dokumen dengan nama yang berbeza.


14. Sila semak dan buat perakuan sebelum hantar.

15. Sila tekan butang "Submit" untuk mengemukakan permohonan anda. **Sila tunggu sebentar dan bersabar selepas tekan "Submit", Web Browser dalam tugas memuat-naik dokumen anda ke pangkalan data, masa adalah sangat bergantung pada kelajuan internet anda, harap bersabar dan jangan klik berlebihan sehingga menjadi duplikasi.**

16. Permohonan yang berjaya, akan bertukar laman secara automatik ke halaman seperti berikut:




17. Dalam masa yang sama, sila semak email anda. Anda akan terima email dengan lampiran borang PDF janaan automatik.



18. Sila cetak borang PDF tersebut dan dapatkan tandatangan sokongan, dan hantarkan kepada Wisma Pengakap Negeri Pulau Pinang, bersertakan laporan cetakan.

19. Contoh pdf:



--- Sekian ---